

# IQRA'

Bil. 4/2022  
APRIL  
eISBN : 2735-1920



**Majlis Sanjungan Budi Ketua Pustakawan  
Ts. Noor Hidayat bin Adnan**  
PTAR Shah Alam - muka 4




**Program Khidmat Masyarakat: Kongsy  
Rezeki Bubur Lambuk & Pek Ramadan**  
PTAR Jasin - muka 14



**Live@PTAR: Tazkirah Ramadan -  
Keutamaan 10 malam Terakhir Ramadhan**  
PTAR Kuala Terengganu - muka 17



**Jom Baca Bersama 10 Minit@PTDI**  
PTAR Segamat - muka 30



**Quran Hour@PST**  
PST Shah Alam - muka 38

**PROMOSI@PTAR**

**BOOK DELIVERY SERVICE**  
We deliver the requested book to your doorstep.

**KOLEKSI NOVEL**  
Pilihan-gemilang novel daripada penulis terkenal, terdapat popular serio hiburan fiksi.





Disediakan oleh: Asmah Sabtu



Untuk menonton  
semula:



Bertempat di Anjung Seri Budiman, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan Majlis Sanjungan Budi Ts. Noor Hidayat bin Adnan, mantan Ketua Pustakawan PTAR sebagai apresiasi sumbangan dan khidmat bakti selama 36 tahun perkhidmatan di UiTM.

Majlis yang telah berlangsung pada 01 April 2022 (Jumaat) jam 03:00 petang ini, telah dihadiri YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah binti Mohd Janor, Naib Canselor UiTM.

Turut mengiringi Naib Canselor ialah YBhg. Profesor Dr. Mohamad Sazili bin Shahibi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) dan YBhg. Profesor Dr. Mohamad Hariri bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni).

Sejumlah 46 orang yang terdiri daripada barisan Pengurusan Eksekutif UiTM dan Ahli Jawatankuasa Majlis Sanjungan Budi telah berhimpun di Anjung Seri Budiman bagi meraikan mantan Tuan Ketua Pustakawan PTAR.

Majlis tersebut dimulai dengan ucapan penghargaan oleh Encik Jamalludin bin Hj. Sulaiman sebagai mewakili staf PTAR, disusuli dengan ucapan penghargaan daripada Naib Canselor UiTM.

Tuan Ts. Noor Hidayat bin Adnan turut menyampaikan ucapan perpisahan sambil mengimbau kenangan sepanjang perkhidmatan di PTAR, UiTM. Pelbagai memori indah dan cabaran getir yang telah ditempuhi oleh beliau telah dikongsi bersama para hadirin. Harapan beliau ialah ingin melihat PTAR terus maju sebagai sebuah perpustakaan peneraju di institusi pengajian tinggi.

Di akhir majlis, Tuan Ts. Noor Hidayat dengan diiringi oleh Encik Mohd Alfarabie Mohd Nasir telah dibawa melawat ruang pameran "A Walk Down Memory Lane". Di ruang ini, puluhan foto Tuan Ts. Noor Hidayat sewaktu berkhidmat telah dipamerkan sebagai rakaman penghargaan yang tidak terhingga buat beliau.

